

TEKNIK PEMBAIKAN DENTUR PATAH

1. Dentur diperiksa untuk menentukan samada bahagian –bahagian yang patah itu boleh dijajarkan semula atau tidak.
 - Jika tidak- pastikan impresi diambil bersama dengan dentur yang patah.
2. Dentur yang patah dicantumkan dengan menggunakan batang mancis dan lilin lekit (sticky wax) bagi melekatkan kesemua bahagian yang patah.
3. Sapukan media pengasing pada permukaan padanan dentur.
4. Bancuhan batu pergigian atau kapur paris (POP) dituangkan keatas permukaan padanan dentur dan dibiarkan mengeset (model kerja).
5. Dentur seterusnya dikeluarkan dari model kerja dan bahagian-bahagian yang patah dipangkas dengan kecondongan kedalam sebanyak 2-3mm berbentuk V.
6. Licinkan bahagian dentur yang dipangkas dengan menggunakan kertas pasir.
7. Kedua-dua bahagian dentur yang patah diletakkan semula keatas model kerja dan sedia untuk diproses samada menggunakan akrilik swapolimeran atau akrilik pempolimeran haba.

AKRILIK SWAPOLIMERAN

1. Sapukan media pengasingan pada model kerja.
2. Sapukan cecair monomer ke bahagian dentur yang telah di pangkas dan bancuhkan akrilik swapolimeran serta padatkan/isi kedalam ruangan yang telah dipangkas.
3. Masukkan dentur yang dibaiki bersama model kerja kedalam periuk tekanan (pressure pot) selama 15 minit atau direndam kedalam air suam.
4. Selepas akrilik swapolimeran mengeset, dentur dipangkas dan digilapkan.

AKRILIK PEMPOLIMERAN HABA

1. Kerja-kerja melilin pada ruangan dentur yang telah dipangkas.
2. Pengelalangan dibuat dengan cara biasa.
3. Setelah adunan akrilik diisikan ianya diproses dengan haba pada suhu 70^oC selama 7 jam.